

Fokus kajian etnik di Sabah



PARA penerima dan ibubapa masing-masing merakamkan gambar kenangan bersama Salleh (tengah) dan Harun (lima kiri).

► Bagi membolehkan setiap etnik memajukan sosioekonomi komuniti masing-masing

UB 13.4.2013

Oleh YAP SIONG HAN

sionghan_yap@yahoo.com

B1

“ Atas tujuan itulah biasiswa Tun Said Keruak diwujudkan bagi memberi ruang dan peluang kepada individu yang layak untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang kajian yang boleh membantu pembangunan etnik dari segi sosio-ekonomi.

KAJIAN mengenai etnik suku kaum di Sabah harus dilakukan dari sudut lebih luas berbanding hanya menjadikan skop kajian itu kecil. Bekas Ketua Menteri merangkap penyandang Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah, Datuk Seri Panglima Salleh Tun Said, berkata kajian yang dilakukan itu seharusnya bukan hanya melihat pada perbezaan etnik sahaja, tetapi perlu dari segi persamaan.

“Apa yang saya lihat pada kajian etnik di sini, ianya masih tidak mendalam. Saya mencadangkan agar mahasiswa yang membuat kajian mengenai etnik harus lebih terperinci dan perlu juga membuat kajian mengenai kaum etnik yang lain di Sabah.

“Atas tujuan itulah biasiswa Tun Said Keruak diwujudkan bagi memberi ruang dan peluang kepada individu yang layak untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang kajian yang boleh membantu pembangunan etnik dari segi sosio-ekonomi.

“Ia membolehkan etnik- etnik yang pelbagai di Sabah memajukan sosio- ekonomi komuniti masing- masing dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup rakyat,” katanya ketika merasmikan majlis penyerahan Biasiswa Tun Said Keruak di Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Kota Kinabalu kelmarin.

Beliau juga akan berusaha untuk mendapatkan bantuan daripada Kerajaan Pusat dan Negeri untuk meningkatkan lagi jumlah biasiswa yang akan diberikan itu.

Katanya, aktiviti majlis makan malam juga akan dilakukan untuk mengumpul dana bagi mengisi tabung biasiswa itu.

Dalam pada itu, beliau menyarankan agar penduduk Sabah melengkapkan diri dengan ilmu dan keupayaan bagi mempertahankan hak ke atas negeri ini.

Beliau berkata penggunaan ilmu sangat penting terutama ketika wujudnya pihak tertentu yang menyuarakan hak mereka ke atas Sabah.

“Senjata yang terhebat yang ada pada manusia bukanlah terletak pada tubuh fizikal, sebaliknya terletak pada kekuatan minda yang boleh melahirkan individu yang hebat dari segi personaliti dan kewarasan berfikir.

“Minda yang kuat dan keperibadian yang tinggi akan melahirkan individu yang sukar dijahah,”

DATUK SERI PANGLIMA SALLEH TUN SAID

Bekas Ketua Menteri merangkap penyandang Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah

katanya.

Salleh yang juga Presiden Pertubuhan Bajau Bersatu Sabah (Usbo) berkata kemampuan sesuatu masyarakat mengenali kekangan dalam hubungan antara etnik mampu melahirkan kekuatan yang akan digeruni oleh masyarakat dunia.

Beliau berkata walaupun terdapat pelbagai suku kaum di negara ini, terutama di Sabah, yang mempunyai pelbagai budaya dan kesenian yang berbeza, namun ia tetap daripada rumpun yang sama iaitu rumpun Melayu.

Sementara itu, Naib Cancellor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata kewujudan biasiswa itu dapat memberikan peluang kepada pelajar UMS yang kurang berkemampuan tetapi cemerlang dalam akademik untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

“Bagi kajian mengenai sosiologi dan antropologi suku kaum Bajau Kota Belud, diharapkan hasil kajian daripada penerima biasiswa ini dapat menghasilkan jurnal yang mempunyai impak tinggi di dalam dan luar negara.

“Saya mencabar kepada penerima-penerima biasiswa ini untuk menerbitkan artikel-artikel yang lebih bermutu tinggi,” katanya.

Seorang penerima biasiswa itu, Amirulnizam Jamaludin menerima RM32,101 untuk tajuk tesisnya “Ragam hias dalam objek budaya dan hubungannya dengan kehidupan kaum Bajau Kota Belud”.

Sementara itu, seorang lagi penerima, Shaiful Huzairi Mohd Kahil menerima RM42,526 untuk kajian bertajuk “Penglibatan pemimpin Bajau di Sabah dalam politik”.



SALLEH (dua kiri) menyampaikan replika cek kepada Shaiful sambil diperhatikan oleh Harun (kiri).